

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 5, 2019 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Industri UCI Buka Minda Pelajar Tentang Keusahawanan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 OGOS 2019 / 4 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA UUM CAS

LAWATAN INDUSTRI UCI BUKA MINDA PELAJAR TENTANG KEUSAHAWANAN



UUM ONLINE: Pengalaman bertemu mentor dalam industri seni industri kreatif telah membuka mata dan minda enam pelajar UUM CAS yang mengikuti program Utara Creativepreneur Incubator (UCI) tentang dunia keusahawanan dalam bidang tersebut.

Lawatan pertama di Alpha Booty's Studio, pelajar telah disambut komposer terkenal, Alfa Booty yang merupakan cucu kepada pelakon veteran Allahyarham Kasma Booty.

Pada sesi itu, beliau berkongsi pengalaman menjadi usahawan dalam bidang industri termasuk kesusahan dan cabaran dihadapi syarikat beliau sehingga mampu berkembang maju kini.

Katanya, untuk menceburi diri dalam bidang industri memerlukan keterampilan diri, keyakinan dan pengalaman serta harus bijak mencari peluang dalam pemasaran agar perniagaan setaraf dengan pemasaran global.

"Seseorang perlu memiliki personaliti menarik serta berkeyakinan dalam meneruskan minat dalam kerjaya, malah mampu membuat '*self-marketing*' untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

"Saya harap pelajar sentiasa bersedia untuk menghadapi semua halangan dan cabaran serta kritikan agar dapat menghasilkan sebuah karya yang kemas dan mempunyai permintaan ramai," katanya yang turut membawa pelajar meninjau Rumie Music Lab yang menyediakan infrastruktur studio rakaman, produksi muzik, *mixing* dan *mastering*, pemuzik dan penerbitan.

Kemudian, lawatan diteruskan ke Kristal Azmir Sdn Bhd dan mereka telah disambut pemiliknya, Azharul Azmir Kamarulzaman di Shah Alam.

Pada sesi itu, beliau mengingatkan pelajar untuk sentiasa menitikberatkan pengurusan kewangan, sumber manusia dan aspek '*brainstorm*' dalam sesebuah perniagaan.

Menurutnya, untuk menjadi seorang penulis skrip yang berjaya, perlu mengetahui lebih mendalam tentang kriteria yang diperlukan oleh setiap stesen televisyen.

Katanya, ketika bergelar pelajar, beliau membuat pekerjaan sambilan dengan menulis skrip, malah mengambil inisiatif dengan membuat latihan industri bagi mendapatkan pengalaman yang memberansangkan.

"Untuk menjadi seorang penulis skrip, anda perlu mulakan dari zaman belajar lagi," katanya yang dilantik sebagai mentor industri kepada KC Production yang turut menjalankan perniagaan berkaitan dengan penulisan skrip di laman sesawang.

Program UCI adalah anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA), UUM CAS, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.